

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

SURAT PEKELILING PTPTN BILANGAN 2 TAHUN 2003

PENJELASAN MENGENAI PERLAKSANAAN PERATURAN PENAHANAN BAYARAN PINJAMAN PELAJAR-PELAJAR INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah penahanan bayaran pinjaman pendidikan sebagaimana yang telah ditetapkan melalui perenggan 8, Pekeliling PTPTN Bilangan 1 dan 2 Tahun 2002.

2. Pelajar-pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) kemasukan Semester 1 Sesi Mei 2002/2003 dan selepasnya akan ditahan bayaran pinjaman pendidikan PTPTN kerana sebab-sebab berikut:

- (i) menangguhkan pengajian
- (ii) mendapat keputusan peperiksaan kurang daripada Purata Nilai Gred Semester (G.P.A) 2.0. Kaedah penahanan bayaran adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 – Kaedah Penahanan Bayaran Pinjaman Pendidikan PTPTN.

Semester Pengajian	G.P.A	Status Penahanan Bayaran
Semester 1 Sesi Mei 2002/2003	<2.0	dibayar
Semester 2 Sesi Nov. 2002/2003	2.0	ditahan berasaskan peperiksaan Semester 1 Sesi Mei 2002/2003
Semester 1 Sesi Mei 2003/2004	<2.0	dibayar berasaskan peperiksaan Semester 2 Sesi Nov. 2002/2003
Semester 2 Sesi Nov. 2003/2004	2.0	ditahan berasaskan peperiksaan Semester 1 Sesi Mei 2003/2004


3. Bagi kes-kes tertentu dimana penahanan bayaran telah dibuat, tetapi dimaklumkan dan disahkan kemudiannya oleh IPTS bahawa pelajar patut menerima bayaran pada Semester yang berkaitan, pembayaran semula akan diuruskan. Walau bagaimanapun bagi kes-kes dimana pembayaran telah dibuat kepada pelajar dan kemudiannya dimaklumkan dan disahkan bahawa pelajar tidak seharusnya menerima

bayaran, PTPTN akan membuat penahanan bayaran pada Semester yang berikutnya. Tiada bayaran tunggakan akan dibuat untuk Semester pengajian yang ditahan pembayarannya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(ABD. WAHAB ABD. AZIZ)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

24 Julai 2003